

Jumaat – 4 Disember 2020

Halaman : 32

## MB Inc agih kotak makanan kepada masyarakat Orang Asli

Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc) menyumbangkan barang keperluan makanan di perkampungan Orang Asli di Lenggong, Perak baru-baru ini.

Kampung terlibat ialah Kampung Sungai Karah membabitkan 18 penduduk, Kampung Takong (9), Kampung Air Bah 1 (41) dan Kampung Air Bah 2 membabitkan 25 penduduk.

Ketua Pegawai Eksekutif

MB Inc, Anuar Zainal Abidin berkata, MB Inc sebagai sebuah entiti korporat di bawah kerajaan negeri sedaya-upaya membantu golongan yang terkesan dengan Covid-19 melalui program tanggungjawab sosial korporat.

"Sebelum ini MB Inc telah menyumbangkan barang sama kepada golongan sasar di seluruh Perak termasuk beberapa buah kampung Orang Asli," katanya.



MAJLIS penyerahan sumbangan barang keperluan makanan kepada masyarakat Orang Asli di Lenggong baru-baru ini.